



# قلست بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 51

RABU 18 DISEMBER, 1985.

رابعو 5 ربيع الاخير 1406

PERCUMA

## RANCANGAN LIMA TAHUN 1986 - 1990 BERMULA TAHUN DEPAN - titah

Oleh Abd. Karim HAB

KUALA BELAIT. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengumumkan bahawa Kerajaan Baginda telah menyediakan Rancangan Negara Lima Tahun (1986 - 1990) yang akan dimulakan tahun depan. Bagaimanapun isi kandungannya akan diumumkan kemudian.

Titah Baginda, Rancangan Negara Lima Tahun ini adalah yang pertama dilaksanakan sejak Negara Brunei Darussalam mencapai semula kemerdekaan yang penuh.

"Dalam usaha Kerajaan kita untuk meneruskan pembangunan negara maka kita sukacita mengumumkan bahawa Kerajaan kita telah pun menyediakan Rancangan Negara Lima Tahun yang baru dan adalah menjadi hasrat kita supaya Rancangan Lima Tahun yang baru ini akan dimulakan perlaksanaannya pada tahun hadapan bagi tempoh tahun 1986 hingga 1990 yakni sebagai

rancangan lima tahun yang pertama kali akan dilaksanakan sejak Negara Brunei Darussalam mencapai semula kemerdekaan yang penuh. Isi kandungan Rancangan Kemajuan Negara yang baru itu akan diumumkan kemudian," titah Baginda kepada penduduk Mukim Pekan Belait di Dewan Kemasyarakatan di sini sempena keberangkatan Baginda ke Mukim Pekan Belait pada pagi Rabu lepas.

Baginda menekankan bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan Baginda un-

tuk menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan dan kemudahan bagi kesempurnaan hidup seluruh rakyat dan penduduk negara ini.

"Dalam pada itu penduduk penduduk kampung khususnya penghulu dan ketua kampung hendaklah memberikan kerjasama dan penglibatan yang penuh dan bertanggungjawab terhadap apa jua rancangan dan projek Kerajaan kerana sesuatu rancangan atau projek itu tidak akan berjaya sepenuhnya jika tidak disertai dengan tekad dan azam yang kuat dari setiap rakyat dan

Lihat muka 16



## Keberangkatan Kebawah D.Y.M.M. ke Mukim Kuala Belait

PEKAN BELAIT. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli melawat Mukim Pekan Kuala Belait pada pagi Rabu, 11 Disember lepas.

Keberangkatan tiba Baginda dengan pesawat peribadi Baginda di Padang Kelab Ria Kuala Belait (KBRC) telah dijunjung oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin dan seterusnya menerima junjung ziarah dari pegawai-pegawai kanan kerajaan, Daerah Belait.

Baginda seterusnya berangkat dengan kenderaan yang Baginda pandu menuju Dewan Kemasyarakatan. Di sepanjang jalan Baginda telah dialu-alukan dengan kibaran bendera negara oleh penuntut-penuntut sekolah yang berdiri di sepanjang jalan menuju Dewan Kemasyarakatan.

Di Dewan Kemasyarakatan, Baginda berkenan melafatkan titah dan seterusnya mendengar masalah-masalah yang disampaikan oleh rakyat dan penduduk di mukim itu.

Setelah itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Kampung Sungai Teraban. Di sana Baginda berkenan singgah di rumah Pemangku Ketua Kampung Sungai Teraban, Pengiran Haji Abas bin Pengiran Haji Md. Salleh.

Setelah itu Baginda berangkat melawat perusahaan memburis perahu yang diusahakan oleh salah seorang penduduk kampung berkenaan dan kemudiannya berangkat ke Sekolah Rendah Kerajaan Sungai Teraban.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan  
Lihat muka 16

### MANISNYA IMAN

"KATAKANLAH (olehmu ya Muhammad) tidak ada persamaan antara yang buruk dengan yang baik, sekalipun engkau merasakan hairan kerana banyaknya yang buruk itu. Bertakwalah kepada Allah wahai orang-orang yang berakal supaya kamu bahagia" — Makna ayat 100 Surah Al-Maidah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, minggu lepas berkenan berangkat bercemarduli menyaksikan latihan menembakkan peluru berpandu 'rapier', Pasukan Bateri Pertahanan Udara (BPU) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Selain menyaksikan latihan menembakkan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah berkenan menguji peluru berpandu 'rapier' tersebut dan berjaya menepati sasarannya (gambar-atas).

Sebelum itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menyaksikan anggota Pasukan BPU melancarkan dua butir peluru berpandu 'rapier' ke udara.

Aturcara keberangkatan Baginda ke perkhemahan menembakan itu antara lain melawat ke bahagian kawalan, tapak pelancaran serta memerhatikan secara dekat mengenai sistem pengendalian Pasukan Bateri Pertahanan Udara. Di samping itu Baginda juga telah dipersembahkan taklimat yang berhubung dengan sejarah perkembangan Pasukan Bateri Pertahanan Udara oleh Pegawai Memerintah BPU, Major P. Tucker.

Gambar-gambar sekitar keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyaksikan latihan menembakkan peluru berpandu 'rapier' disiarkan di muka 8 dan 9.

## Permohonan masuk ke Sekolah Menengah K'jaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran kini membuka permohonan masuk ke Sekolah Menengah Kerajaan dari sekolah-sekolah bukan Kerajaan bagi tahun 1986.

Permohonan-permohonan tersebut ialah bagi memasuki Tingkatan I, II, III, IV, V dan VI Bawah.

Borang-borang permohonan dan syarat-syarat kemasukan boleh didapati daripada Unit Dermasiswa

dan Kesejahteraan Jabatan Pelajaran atau Penyelia-Penyelia Kanan Sekolah-Sekolah di Daerah Tutong, Belait dan Temburong.

Pemohon-pemohon yang berjaya dipertimbangkan akan diatur dan ditentukan aliran serta sekolahnya oleh Jabatan Pelajaran dan mereka bolehlah memohon surat berpindah dari sekolah asal hanya setelah mendapat kebenaran masuk dari Jabatan Pelajaran.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mendengar taklimat dari seorang pegawai kanan Jabatan Kerja Raya mengenai projek pembinaan tangki air di kawasan Mumung dalam lawatan Baginda ke Mukim Pekan Belait baru-baru ini. — Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO.



**Pelita Brunei**  
BERSEKUTUAN PADA TITIK TAP HARI RABU

18 DISEMBER, 1985

*Dengan nama Allah yang Maha  
Pemurah dan Maha Penyayang*

## TIDAK MELAYU HILANG DI DUNIA

Penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Nusantara adalah satu kenyataan yang telah wujud selama lebih satu abad meskipun bukti-bukti bertulis hanya ditemui di abad ketujuh.

Satu fakta jelas yang mempertahankannya ialah gugusan Melayu merupakan gugusan kepulauan yang terbesar di dunia. Seperti yang disabdakan oleh Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam ketika merasmikan Pertemuan Sasterawan Nusantara kali ke-4 minggu lalu, Bahasa Melayu digunakan oleh lebih 150 juta penduduk dunia. Jumlah ini adalah jaminan bagi masa depan Bahasa Melayu.

Di samping itu Bahasa Melayu juga telah diisytiharkan oleh sebilangan besar negara gugusan Melayu sebagai Bahasa rasmi negara meskipun gugusan ini mengandungi berbagai kaum dan berjenis kebudayaan.

Sejarah Bahasa Melayu membuktikan bahawa ia merupakan salah satu Lingua Franca bagi orang-orang Belanda dan Inggeris di zaman-zaman penjajahan. Malah sebilangan kecil perkataan-perkataan Melayu juga kekal digunakan dalam kedua-dua bahasa tersebut dan diterima secara rasmi oleh antarabangsa.

Di Negara Brunei Darussalam pula Bahasa

Melayu secara politik telah diterima sebagai bahasa rasmi negara seperti yang termaktub dalam perlembagaan negara ini. Selaras dengan itu sebuah jabatan khas telah ditubuhkan untuk memajukan Bahasa Melayu melalui berbagai kegiatan yang mana termasuklah Pertemuan Sasterawan Nusantara baru-baru ini.

Menyentuh soal penggunaan apa jua bahasa kita tidak dapat lari dari tiga fakta penting yang mempengaruhinya, iaitu ianya digunakan sebagai bahasa ibunda; ianya dijadikan sebagai bahasa kedua; atau ianya digunakan kerana desakan perhubungan sama ada di bidang profesional, pentadbiran atau pelajaran.

Di sebalik itu kita juga tidak dapat lari dari beberapa fakta yang sering membantuti penggunaan satu-satu bahasa terutama sekali penggunaan bahasa Melayu yang masih disifatkan oleh segolongan ahli bahasa antarabangsa sebagai satu bahasa minoriti. Permodenan satu-satu negara umpamanya boleh merobah daya pemikiran dan penerimaan manusia.

Kita tidak dapat menafikan adanya segolongan kecil yang lebih mengutamakan bahasa lain bukan saja sebagai bahasa per-

suratan sesama orang-orang Melayu tetapi malah juga sebagai bahasa perhubungan atau kehidupan sehari-hari di rumah orang Melayu sendiri.

Kita tidaklah menafikan bahawa Bahasa Inggeris umpamanya adalah satu bahasa antarabangsa. Kita tidak menafikan bahawa bahasa Melayu masih belum lengkap terutama sekali di bidang teknologi, pelajaran atau perubatan. Tetapi kita juga tidak menafikan bahawa kita adalah berperanan untuk sama-sama terus mengembangkan kemampuan Bahasa Melayu.

Pertemuan Sasterawan Nusantara baru-baru ini adalah bertujuan untuk menyatukan bahasa dan persuratan Melayu Nusantara. Ianya adalah satu tujuan yang mempunyai pengertian yang besar. Matlamatnya adalah jelas. Tetapi pencaipannya tidak hanya tertumpu ke atas golongan penulis atau sasterawan semata-mata. Kerana apa jua tulisan yang dibuat tidak akan mendatangkan hasil jika kita masih hanya membaca tulisan-tulisan berbahasa asing. Ini bukanlah suatu wabak. Tetapi hanya suatu penyakit yang harus jadi pemikiran kita bersama.

# ASEAN perlu sediakan infrastruktur bagi penuhi harapan rakyatnya

BANDAR SERI BEGAWAN.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja, Pengiran Bahrin bin Pg Hj Abbas, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam menekankan oleh kerana Negara Brunei Darussalam mula memainkan peranan sebagai penyelaras dan dalam keadaan penyusunan semula ekonomi New Zealand, maka adalah kena pada tempatnya bagi kedua-dua belah pihak meninjau kembali, meneliti bidang-bidang kerjasama yang ada sekarang dan menerokai bidang-bidang kerjasama yang akan datang.

Ketika merasmikan Dialog ASEAN-New Zealand kali ke 7 selama dua hari di Bilik Per-

Oleh Abd. Karim HAB

sidangan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri pada 10 Disember lepas, Yang Amat Mulia bersabda; "Saya mengesyorkan masanya telah tiba untuk menggariskan penumpuan-penumpuan baru."

Yang Amat Mulia menambah, dalam mencari sesuatu pendekatan baru dalam hubungan dialog ASEAN-New Zealand, beberapa andaian tepat mestilah difikirkan.

"ASEAN adalah sebuah pertubuhan yang mengandungi 270 juta penduduk. Walaupun dengan andaian-

pesimistik, harapan ekonomi ASEAN pada tahun-tahun yang akan datang adalah lebih baik dari kebanyakan negara membangun dalam rantau-rantau lain dalam dunia," tegas Yang Amat Mulia.

Yang Amat Mulia menambah, tiap-tiap negara ASEAN adalah terikat sepenuhnya untuk menyediakan infrastruktur asas bagi perbandaran dan perindustrian dalam memenuhi harapan rakyatnya. Menjelang tahun 2000 jumlah penduduk ASEAN akan bertambah kepada lebih 300 juta dan pendapatan per kapita yang diramalkan sebanyak US \$1,500.



YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam ketika bersabda merasmikan Dialog ASEAN-New Zealand kali ke-7 di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

Dengan pertumbuhan ekonomi yang diramalkan itu, Yang Amat Mulia bersabda, seharusnya memberi New Zealand peluang-peluang pelaburan dan penglibatan tenaga-tenaga mahir teknikal mereka dalam rancangan-rancangan pembangunan ASEAN.

"Adalah jelas bahawa New Zealand tidak semestinya mengeneipkan kemungkinan pasaran ASEAN yang luas ini untuk barangan dan perkhidmatannya. New Zealand juga tidak seharusnya menyangkal kemasukan ASEAN ke dalam pasarannya," sabda Yang

Amat Mulia.

Yang Amat Mulia seterusnya yakin, memandang ada fakta-fakta yang memberi dorongan ke arah menggiatkan perdagangan antarabangsa dan pembangunan kerjasama ekonomi. Mesyuarat Dialog ke 7 itu akan mengambil peluang yang dikemukakan

kepada untuk menggariskan sesuatu pendekatan baru dalam menyediakan kedua belah pihak dengan asas yang kukuh untuk memulakan kerjasama ASEAN-New Zealand yang baru dan berhasil berdasarkan kepada persamaan saling hormat menghormati antara satu sama lain dan faedah bersama.



KEDUTAAN Diraja Thai ke Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Majlis sempena ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumipol Adulyadej dan sempena Hari Kebangsaan Thailand pada malam Khamis lepas bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Hadir selaku wakil Kerajaan Negara Brunei Darussalam di majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang, merangkap Menteri Perhubungan, yang juga pada masa ini memangku Jawatan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Bersempena dengan hari ulang tahun keputeraan Diraja Thai itu, lebih dari 180 orang masyarakat Thai di negara ini dengan suka-rela telah mendermakan darah kepada Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pada 1 Disember lepas.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan yang juga pada masa ini memangku Jawatan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berbual mesra dengan Duta Besar Diraja Thailand ke negara ini Tuan Yang Terutama Somchit Insingha (gambar atas). Gambar oleh Harun Rashid.

## Penjara empat bulan

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Hasil dari Penyiasatan Biro Mencegah Rasuah, seorang bekas Pemeriksa Kastam dari Jabatan Kastam dan Eksais, Tutong, Aripin bin Sapian @ Ariffin berumur 38 tahun telah didakwa dan dipapati bersalah di Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan pada hari Rabu 4 Disember 1985 atas sembilan kesalahan Pecah Amanah yang melibatkan wang berjumlah \$1,746.35 yang dilakukannya antara 12.11.80 dan 28.2.84, satu kesalahan di bawah Bab 406 dari Undang-Undang Jenayah.

Aripin bin Sapian @ Ariffin telah dijatuhkan hukuman penjara selama 4 bulan berjalan serentak.

## FILEM DOKUMENTARI

Dokumentari Kementerian Pembangunan yang ditayangkan baru-baru ini telah mendedahkan secara dekat akan struktur, tanggungjawab dan peranannya dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam. Melalui sembilan buah Jabatan-Jabatan Kerajaan di bawahnya iaitu Kerja Raya, Elektrik, Perikanan, Kemajuan Perumahan, Pertanian, Perhutanan, Tanah, Ukur dan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan memberikan sumbangan dalam pembentukan dan perlaksanaan dasar serta matlamat jangka panjang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam membangun, memperbaiki dan memperkukuhkan ekonomi, sosial dan kebudayaan melalui proses yang menyeluruh pada memenuhi keperluan negara.

Menyusuli filem rencana itu, Bahagian Dokumentari TV Jabatan Penyiaran dan Penerangan telah juga mener-

bitkan dua dokumentari Perkhidmatan Jabatan Kerja Raya iaitu Bahagian Bahagian Pengurusan dan Bahagian Perkhidmatan Jalan Raya yang bertanggungjawab ke atas rancangan projek-projek jalan raya dan pentadbiran di cawangan Mekanikal, Pembinaan dan Pemeliharaan Jalan Raya. Sebahagian besar dari kegiatannya antara lain meliputi pengendalian rancangan pembinaan jalan raya bagi menyeluruh dan jangka panjang, pemeliharaan ke atas jalan-jalan raya yang didaftarkan di dalam daftar jabatan tersebut, mengawal projek-projek kemajuan di luar kawasan bandar, mengendalikan pemeliharaan kenderaan dan jentera jabatan itu dan jabatan-jabatan Kerajaan yang lain, kerja-kerja tanah bagi Rancangan Pemberian Tanah kepada rakyat jati dan berbagai lainnya yang pada keseluruhannya berhubung dengan perkara yang menjadi tanggungjawab Bahagian Perkhidmatan Jalan Raya.

## DIALOG ASEAN - NZ HASILKAN TIGA PERKARA

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Dialog ASEAN — New Zealand ke-7 yang berlangsung selama dua hari di Bilik Persidangan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di sini telah menghasilkan tiga perkara.

Satu darinya ialah kesediaan New Zealand menjadi tuan rumah kepada 'Study Tour' ke negara itu semasa diadakan persidangan mengenai penggunaan gas nasional dalam bulan Mei tahun depan.

Dalam dialog itu, New Zealand juga telah menerangkan kepada negara-negara ASEAN mengenai keputusan kajian semula Dasar Penuntut Seberang Laut negara itu. Dasar baru

itu adalah percubaan bagi mengadakan rangka keseluruhan dasar bagi meningkatkan jumlah kemasukan penuntut-penuntut ASEAN ke institusi-institusinya.

Sidang akhbar yang diadakan setelah selesai dialog berkenaan juga telah menyebut kesediaan New Zealand membantu penuh Resolusi ASEAN dalam strategi antarabangsa ke atas pengedaran dan penyalahgunaan dadah.

Jurucakap ASEAN dalam kenyataannya berkata bahawa para perwakilan telah mengkaji semula projek-projek yang sedang dijalankan. Satu projek baru yang dicadangkan ialah per-

tukaran kebudayaan serta juga perbincangan mengenai penghuraian ASEAN dalam strategi antarabangsa ke atas pengedaran dan penyalahgunaan dadah.

Pakar-pakar perniagaan juga telah berpeluang berbincang mengenai perdagangan antara negara-negara ASEAN dan New Zealand masa kini dan lampau, cara-cara bagi meningkatkan perdagangan, yang mana salah satu darinya ialah dalam bidang pelancongan.

Kedua-dua belah pihak, ASEAN dan New Zealand juga telah menyedari perlunya penjelajahan kepada bidang-bidang baru, terutama kerjasama dalam bidang perniagaan.



SEBAHAGIAN dari tetamu kehormat dan pegawai-pegawai kanan kementerian yang hadir di majlis malam itu. — Gambar oleh Harun Rashid.

## SAMBUTAN MAULUD NABI.

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri telah mengadakan sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di bangunan kementerian itu pada malam Ahad, 7 Disember lepas.

Majlis itu telah diserikan dengan satu syarahan khas oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abd. Aziz bin Juned, Timbalan Kadi Besar.

Terdahulu dari itu, majlis dimulakan dengan bacaan Al-Quran oleh Awang Haji Zulkifli bin Haji Mohd. Salleh diikuti dengan ucapan aluan oleh Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Doa selamat di akhir majlis

dibacakan oleh Awang Haji Aliuddin bin Haji Yaakub.

Di antara yang hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Dato Seri Laila Jasa Haji Zakaria bin Dato Mahawangsa Haji Sulaiman dan pegawai-pegawai kanan kementerian itu.



TIMBALAN Setiausaha Hal-Ehwal Luar New Zealand, H.H. Francis ketika menerima cenderamata yang telah disampaikan oleh Awang Lim Jock Seng, Pengarah ASEAN di akhir Dialog ASEAN — New Zealand ke-7. — Gambar oleh Ak. Bahar PHO.

## SASTERA DIHASRATKAN BAGI MEMBIMBING UMAT MANUSIA

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Awang Haji Ahmad bin Kadi, Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Pertemuan Nusantara IV gembira dengan peningkatan bilangan seniman dan sasterawan di rantau ini yang mempunyai sikap dan kesedaran serta pandangan hidup dan cita-cita murni berdasarkan akidah dan

ajaran serta penghayatan Al-Quran meskipun terdapat segelintir mereka yang mengabaikan soal-soal ini kerana alasan-alasan tertentu terutama disebabkan pengaruh dan suasana alam sekitar.

Awang Haji Ahmad berkata, keindahan bahasa dan sastera yang dicetuskan oleh para sasterawan sebenarnya berfungsi bukanlah semata-mata untuk menimbulkan keghairahan dan kepentingan estetika bahasa tetapi dihasratkan sastera berkewajipan untuk memberikan bimbingan dan panduan kepada umat manusia bagi memperjelaskan nilai-nilai dan tujuan hidup yang sempurna berdasarkan tuntutan kebenaran yang universal dan abadi.

Beliau menyatakan perkara itu dalam ucapan aluan di Perasmian Pertemuan Sasterawan Nusantara IV di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Jalan Tutong pada pagi Isnin, 9 Disember lepas.

Beliau seterusnya berharap usaha murni itu akan melahirkan inspirasi yang amat bermakna dan berfaedah sehingga apabila dicetuskan ke dalam wadah bahasa, ia akan melahirkan sastera bermutu dan bernilai

tinggi.

"Keutuhan nilai yang akan dicapai dalam sastera itu akan melahirkan sesuatu yang dinamakan 'Keindahan', 'Keberanian', 'Kebenaran', 'Ketakwaan', dan 'Kesucian', serta 'Kekudusan'. Oleh kerana itu seniman dan sasterawan yang mempunyai inspirasi yang luhur sebagai unsur fitrah yang mendasari kehidupan dan cita-cita murahnya adalah merupakan sebagai peluang untuk mengagakkan keredaan Tuhan," jelasnya.

Mengenai dengan tema pertemuan, 'Ke Arah Penyatuan Bahasa dan Persatuan Melayu Nusantara', Awang Haji Ahmad menjelaskan, ia dipilih untuk membayangkan suatu ragam pola hidup kemasyarakatan di rantau ini dalam usaha untuk mencapai matlamat hakikat penyatuan bahasa dan sastera yang dihasratkan.

Pertemuan itu katanya bertujuan mempertemukan para sarjana dan pakar-pakar sastera dari seluruh rantau nusantara termasuk dari luar rantau ini yang sudah tentu akan mewujudkan sesuatu yang bermanfaat demi kemajuan pembinaan dan pembangunan sastera dan bahasa Melayu yang pernah berfungsi sebagai 'lingua franca'.

## PENYERAHAN TUGAS

**BERAKAS.** Mejar Ambran bin Haji Mohd. Noor akan memegang jawatan Timbalan Pegawai Pemerintah Batalion Kedua, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Tutong Kem mulai 2 Januari 1986.

Sementara Mejar Jumat bin Zakaria mengambil alih tugas Pegawai Turus Dua Gerakan Tugas Turus, Markas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menggantikan Mejar Ambran mulai 6 Disember yang lalu.

Penyerahan tugas bagi kedua-dua mereka telah berlangsung di Markas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada 6 Disember yang lalu.



Mejar Ambran



Mejar Jumat



SALAH seorang penuntut kelas bimbingan ketika menerima hadiah yang disampaikan oleh Datin Hajjah Zahrah binti Haji Idris. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

## Adakan hari penutup

**PULAI.** — Kelas Bimbingan Kanak-Kanak Cacat telah mengadakan hari penutupnya bertempat di Pusat Latihan dan Bimbingannya di sini Sabtu lepas.

Tetamu kehormat di majlis itu Datin Hajjah Zahrah binti Haji Idris, isteri Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz.

Aturcara majlis telah dimulakan dengan ucapan

aluan oleh Pengerusi majlis Dayang Zaliha binti Mohiddin, Ketua Pegawai Kebajikan Masyarakat dan kemudiannya diikuti dengan penyampaian hadiah-hadiah kepada penuntut-penuntut terbaik oleh tetamu kehormat.

Majlis petang itu telah diserikan lagi dengan beberapa buah persembahan nyanyian, tarian dan pakaian beragam oleh penuntut-penuntut di pusat itu.

## CERAMAH BAHASA

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan akan mengadakan ceramah yang bertajuk Bahasa dan Sastera di Brunei pada hari Ahad 22 Disember depan bertempat di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei bermula jam 9.00 pagi.

Oleh yang demikian orang

ramai yang berminat adalah dipersilakan hadir pada hari tersebut.

Sementara itu Dewan Bahasa dan Pustaka juga akan mengadakan Majlis Perkampungan pada 31 Disember di tempat yang sama bermula jam 9.30 pagi. Ahli-ahli Perpustakaan Kanak-Kanak dan Muda-Mudi adalah dipersilakan hadir.

## Pendaftaran haji

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Pendaftaran menaika fardu haji tahun 1406H 1985 Masihi telah mula dibuka bagi penerimaan pendaftaran pada hari Rabu 11 Disember, di semua Pejabat Pejabat Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Kuala Belait, Tutong dan Temburong pada masa waktu pejabat dibuka. Pendaftaran tersebut akan ditutup pada hari Khamis 9 Januari, 1986 jam: 4.30 petang.

Semasa membuat pendaftaran tersebut, bakal-bakal haji dikehendaki membayar wang deposit sebanyak \$200.00 seorang bagi orang dewasa dan kanak-kanak sebanyak \$100.00 seorang. Wang ini adalah bertujuan bagi kegunaan deposit perumahan jemaah jemaah haji di Tanah Suci.

# Islam tidak menghalang penganutnya mencari kenikmatan dan kelazatan dunia



suara  
dari  
mimbar

Marilah kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa manusia itu tidak sunyi dari melakukan dosa sama ada dosa itu dosa kecil atau dosa besar dan tidak pula dapat disangkal bahawa manusia itu dari semula jadinya selalu tergoda dan terpengaruh oleh suasana dan keadaan yang berlaku di sekitar hidupnya dan juga masyarakatnya.

Di dalam keadaan hidup yang serba moden ini manusia itu lebih lebih lagi giat berlumba-lumba mencari kesenangan dan kelazatan dan di dalam keadaan beginilah ada kalanya manusia itu lupa daratan dan lalai terhadap ajaran-ajaran Allah Taala.

Di dalam masalah mencari dan mengunyah kenikmatan dan kelazatan dunia ini

tidaklah dilarang oleh Islam malah adalah digalakkan asalkan saja kita tetap berada di dalam landasan dan ajaran-ajaran Islam.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang maksudnya kira-kira:

"Bekerjalah kamu untuk duniamu seolah-olah kamu akan hidup buat selamlamanyanya dan bekerjalah untuk akhiratmu seolah-olah kamu akan mati pada esok hari."

Hadis ini menerangkan kepada kita bahawa adalah digalakkan membuat dan mengerjakan urusan-urusan dunia itu seolah-olah kita ini akan hidup buat selamlamanyanya, digalakkan kita mencari kenikmatan hidup, di samping itu jangan pula kita lupa dan lalai terhadap tugas dan urusan urusan akhirat kita.

Di dalam kita mencari dan memperolehi kelazatan dunia

dan membuat urusan-urusan akhirat maka hendaklah kita selalu menaruh perasaan takut kepada Allah Taala dan taat melaksanakan ajaran-ajaran-Nya.

Sayidina Umar Ibnu al-Khattab pernah jatuh rebah sesudah mendengar ayat Tagrif dan Sayidina Umar terus menderita sakit kerananya.

Pada suatu hari Sayidina Umar pernah memegang sebiji anak kopi lalu berkata: "Alangkah baiknya kalau aku dijadikan sebagai anak kopi ini dan alangkah baiknya kalau aku belum dilahirkan oleh ibuku."

Mendengar perkataan Sayidina Umar ini, Ibnu Abbas berkata: "Kenapa tuan setakat itu, bukankah tuan telah dijadikan khalifah menguasai negara-negara Islam dan mengerjakan segala perintah-perintah Allah?" Sayidina Umar menjawab: "Saya ingin lepas dari hukuman hukuman."

Dari peristiwa di atas ini jelaslah kepada kita bahawa ketakutan kepada Allah itu bukan saja harus ada pada diri kita selaku orang biasa bahkan ia juga telah sedia bersarang di hati dan perasaan seorang khalifah.

Bagi kita yang telah terlanjur dan berada di dalam apa yang dinamakan gelombang hawa nafsu dan lupa daratan itu maka bagi kita belumlah terlambat untuk kembali ke pangkal jalan. Allah Subhanahu Wataala telah memberi jaminan dan bersedia menerima taubat hamba-Nya kiranya kita memohon ampun dengan hati yang jujur dan ikhlas. Firman Allah di dalam Al-Quran ayat 133 Surah Al-Imran yang maksudnya kira-kira:

"Dan bersegeralah kamu mendapatkan keampunan dari Tuhan kamu dan dapatkan syurga yang luasnya laksana tujuh petala langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang ber-

takwa."

Setengah-setengah dari sifat takwa itu ialah sentiasa ingatkan Allah Subhanahu Wataala, ingat segala suruhan dan larangan-Nya, cepat menginsafi dan

menyedari kesalahan-kesalahan dan cepat kembali kepada Allah dengan meminta dan memohon ampun serta meninggalkan segala perbuatan-perbuatan yang tidak diredai oleh Allah.

## Letakkan Islam sebagai ugama kita hingga ke akhir hayat

### Menuju keredaan Allah

PADA hari ini, orang-orang kafir telah putus asa (daripada memesungkan kamu) dari ugama kamu (telah mereka melihat perkembangan Islam dan umatnya) sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan gentar kepada-Ku. Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah reda akan Islam itu menjadi ugama untuk kamu..." Al-Quran surah Al-Maidah ayat 3.

Perkembangan Islam yang pada mulanya adalah kecil, di mana banyak penentang dan halangan dari kaum-kaum kafir, memang sukar bagi permulaannya untuk menyebarkan, kerana ia adalah merupakan soal aqidah suatu kaum, bangsa atau umat. Bagi kaum dan bangsa yang lebih awal mempunyai ugama selain dari Islam memang menganggap yang ugama Islam itu merupakan ugama baharu baginya, dan sudah semestinya banyak perkara-perkara yang bertentangan dengan kefahaman ugama mereka selama ini, maka itu tidaklah hairan pada mulanya cuma sedikit sahaja orang yang menganut ugama Islam itu.

Perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan Islam lagipun mengkehendaki kegigihan dan ketahanan, bukan hanya sekadar bertahan iman yang tabah dan kukuh juga dengan semangat yang cemerlang dan tenaga yang gagah berani, sehingga dari dakwah lidah terbawa kepada peperangan yang terjadi, ini semata-mata demi menegakkan Islam itu sendiri. Hal tersebut ternyata seperti yang dituliskan dalam Al-Quran

dalam ayat tersebut di atas tadi. Sebagai ugama yang diredai Allah Subhanahu Wataala Islam menjadi ugama yang paling lengkap dalam mentadbirkan umatnya, baik semasa di dunia apalagi di akhirat. Kalau dulunya orang-orang kafir telah berputus asa dan gagal dalam menentang kemaraan dan tersebarnya fahaman Islam, maka tidak mustahil pada hari ini mereka akan gagal lagi malah akan lumpuh. Semuanya ini boleh sahaja kita capai dengan adanya keimanan dan kemahuan yang gigih demi menegakkan Islam itu sendiri. Apakah sekarang Islam itu sudah mencapai ke arah perkembangan dan kekeuasaan? Kalau dulunya ia hanya dianuti oleh golongan yang sedikit apakah sekarang ia sudah besar atau menjadi umat yang paling kuat dan digalati oleh bangsa-bangsa bukan Islam? Apakah cukup dengan alasan dan bukti yang boleh dijadikan bukti atas bangkainya bangsa-bangsa setempat yang memperjuangkan negerinya atas tiket keislaman seperti di Afghanistan, Palestin atau dengan wujudnya persidangan demi persidangan atau muktamar demi muktamar yang semampainya dapat menunjukkan bahawa umat Islam itu sudah kuat dan berjaya dalam perjuangannya, padahal ada di antara kita manusia yang menggelarkan dirinya Islam itu bermusuhan sesama Islam, krisis yang bertahun-tahun tidak terselesaikan seperti pertikaian antara negara-negara Islam Iraq dan Iran umamanya. Ini adalah

merupakan pergolakan umat Islam di dunia pada ketika ini.

Sebagai sebuah negara yang berdasarkan Melayu Islam Beraja, negara kita Brunei Darussalam yang merupakan salah sebuah negara Islam yang tertua di rantau ini, di mana kita berbangga dan bersyukur pada Allah kerana kedudukan ugama Islam di negara kita tidak dapat dipertikaikan dan diganggu gugat, dan kita sebagai rakyat yang beragama Islam di negara ini merasa bahagia dengan keutamaan dan keselesaan kita menghayati ugama Islam itu, perkembangan ugama tidak terbatas di mana dalam tempoh beberapa bulan telah dapat menarik beberapa keluarga baru bagi memeluk ugama Islam dari berbagai puak dan bangsa, dalam perkembangan antarabangsa pula kita tidak ketinggalan ikut membantu umat-umat Islam lainnya di mana pelancaran tabung derma orang-orang pelarian Afghanistan dan Palestin dan mangsa-mangsa kebulutan. Semuanya ini beritikad dengan adanya perasaan kemanusiaan, di mana sifat sedemikian adalah salah satu perkara yang terdapat dalam ajaran Islam. Kita mahu kedudukan ugama Islam di negara kita tetap terpelihara tidak akan tergugat dan digugat, kita tidak mahu hanya pada sebutannya sahaja negara Islam tetapi ajaran Islam masih tersekat, biar sebutan sebagai negara Islam kita meliputi amal perbuatan selaku rakyat dan penduduknya yang sebahagian besarnya orang-orang Islam. Maka itu apakah kita sudah

sampai ke tahap apa yang pernah diperkatakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana hadis Baginda dari Ibnu Majah: "Sesungguhnya Islam itu bermula daripada dagang, dan akan kembali ia dagang, maka beruntunglah bagi mereka yang dagang." Sahabat bertanya apakah dagang itu, iaitu orang yang mengasingkan diri daripada puak (golongan)."

Apa yang kita fahamkan daripada hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di atas adalah merupakan pernyataan bahawa Islam itu pada mulanya dari golongan sedikit, itu sedikit sahaja manusia yang pada mulanya beriman dan bertakwa benar-benar kepada Allah, di mana


selepas itu Islam berkembang dan tersiar luas dan akhirnya ia akan kembali kepada hanya golongan sedikit sahaja umat Islam yang benar-benar takwa dan beriman tadi dan kepada golongan yang sedikit inilah golongan mereka yang beruntung sahaja sebagai manusia yang taat dan takwa kepada Allah. Maka itu apakah ini sudah terjadi, sedang terjadi atau belum terjadi tetapi sememangnya sungguh ia akan terjadi. Maka di manakah kita sedang berada, dalam meletakkan diri kita, keadaan negara kita dewasa ini dengan bersukatsukatan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu tadi. Adalah menjadi kewajiban meletakkan Islam sebagai ugama kita sehingga akhir hayat, dalam mana

setiap apa yang diperkatakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan hadis Baginda di samping Al-Quran mengenai tugas kita selaku seorang mukmin adalah perlu kita kaji semula dalam mana di saat-saat kita masih berada di bulan Maulud mengingati kelahiran Baginda semoga semangat keislaman kita akan bertambah dan Islam belum akan berakhir dengan golongan yang sedikit itu. Maka itu pada Allah jua kita memohonkan hidayah-Nya kerana Ia amat Mengetahui lagi Bijaksana.



SERAMAI 18 orang penuntut Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah pada Khamis lepas telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Pejabat Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Rom-bongan itu diketuai oleh Cikgu Hajah Faridah binti Haji Bungsu. Mereka telah diberi penerangan ringkas oleh Pemangku Timbalan Pengetua, Awang Haji Abd. Latif bin Haji Ibrahim.

PENUNTUT-penuntut tersebut telah dibawa meninjau secara dekat ke bahagian penyelidikan dan penerbitan di samping dibawa melawat ke Balai Pameran Pusat Sejarah iaitu bekas bangunan lama Mahkamah Brunei. (Gambar atas kelihatan Awang Tengah bin Haji Salleh, Penolong Pegawai Arkib Pusat Sejarah, ketika memberi penerangan ringkas berhubung dengan tugas-tugas arkib kepada penuntut-penuntut berkenaan. (Gambar Pusat Sejarah).



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Perkhemahan Penembakan Peluru Berpandu Rapiar di Bukit Agok telah dialu-alukan oleh Pegawai Pemerintah ABDB, Brigadier Jeneral Dato Paduka Seri J.P.W. Friedberger dan lain-lain pegawai kanan ABDB (atas).

SEBELUM menyaksikan latihan menembak pada hari itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mendengar taklimat mengenai sejarah dan perkembangan Pasukan Bateri Pertahanan Udara yang disembahkan oleh Pegawai Memerintah BPU, Major P. Toker (kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyaksikan pelancaran 'Shellduck KDR-5' menerusi teropong dari bilik kawalan BPU. Anggota Bateri Pertahanan Udara (bawah kiri).



# KEBAWAH D.Y.M.M. BERANGKAT SAKSIKAN LATIHAN PENEMBAKKAN PELURU BERPANDU 'RAPIER'

Liputan: Ahat Ismail  
Gambar: Ak. Bahar PHO  
Harun Rashid

**K**etuhan dan keamanan sesebuah negara bukan saja terletak pada sudut ekonomi tetapi juga bergantung kepada kekuatan sistem pertahanannya. Dengan adanya pasukan pertahanan, setentunya keamanan sesebuah negara pasti akan terjamin dan rakyat serta penduduk di dalamnya akan dapat hidup rukun damai tanpa sebarang gangguan.

Justru untuk mengekalkan matlamat itu, kewaspadaan dan beringat-ingat perlu ada pada setiap individu, selain daripada pasukan-pasukan yang nantinya apa jua gangguan atau ancaman akan dapat dibentasi dengan jayanya.

Ke arah itu, Pasukan Bateri Pertahanan Udara (BPU) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, minggu lepas telah mengadakan latihan selama 12 hari bertempat di Perkhemahan baru penembakan peluru berpandu 'rapier' di Bukit Agok iaitu satu kawasan yang bersempadan antara Jerudong dan Tutong.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bercemarduli menyaksikan latihan penembakan peluru berpandu 'rapier' itu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di samping menyaksikan latihan sedemikian juga berkenan menguji sendiri penembakan peluru berpandu 'rapier'.

Menurut seorang Pegawai BPU, latihan tahunan tersebut bertujuan bagi menguji sejauh mana kecekapan anggota-anggota BPU mengendalikan senjata peluru berpandu 'rapier'.

Selain daripada itu beberapa orang

anggota BPU juga telah menjalani kursus di luar negeri selama beberapa bulan dalam bidang tersebut.

Menyentuh mengenai perkembangan Pasukan Bateri Pertahanan Udara, ianya kini mempunyai satu kawasan baru penembakan yang dilengkapi dengan sebuah bangunan kawalan, dua tapak pelancar 'rapier', sebuah tapak pelancar sasaran terbang 'Selduck KDR-5', sebuah bengkel tempat menukar alat-ganti serta beberapa buah bangunan yang menyimpan pelbagai alatan.

Sistem peralatan 'rapier' merupakan sistem peralatan pertahanan termoden yang mempunyai pergerakan cepat, ringan serta mudah dikendalikan. Senjata peluru berpandu 'rapier' bergerak dari bumi ke udara, khusus bagi bertindak memusnahkan, dan menangkis kapal-kapal terbang pejuang yang terbang terlalu rendah hingga kira-kira 500 kaki ke bumi.

Antara keistimewaan yang terdapat pada senjata 'rapier' ini ialah dapat mengesan sasaran musuh di lingkungan 7.4 batu, dan berupaya memusnahkan pesawat terbang musuh dalam jarak 4.3 batu.

Senjata-senjata 'rapier' ini juga dilengkapi dengan radar tracker DN-181, di samping alat pengesan optik sebagai tambahan untuk membolehkan sistem alat rapier menjalankan operasi di waktu malam atau di waktu cuaca buruk. Dalam pada itu sistem ini juga berupaya memberikan isyarat bunyi kepada pengendali 'rapier' dan menerangkan sasaran sama ada musuh atau sahabat melalui pengesan optik melalui teropong pengesan.

Pasukan Bateri Pertahanan Udara ABDB ditubuhkan pada 1 September, 1983, dan ketika ini mempunyai seramai 100 orang anggota.



SALAH seorang pegawai dari Bateri Pertahanan Udara menyebarkan taklimat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika Baginda berangkat melawat ke Bilik Kawalan BPU (atas).

SEJURUS sebelum berangkat pulang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menandatangani Buku Pelawat BPU (kiri).

ANGGOTA-ANGGOTA Bateri Pertahanan Udara diperkenalkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (bawah).



SEBAHAGIAN daripada peralatan BPU ialah radar pengesan. Alat ini berkeupayaan mengesan setiap kedudukan musuh tanpa mengira keadaan waktu (atas) sementara gambar kiri pula kelihatan anggota-anggota BPU memasang peluru-peluru berpandu rapier di tempat pelancarannya.



# KEJAYAAN PENDIDIKAN BUKAN DICAPAI SECARA PERSEORANGAN — Hj. Abd. Saman

BANDAR SERI BEGAWAN.  
— Pemangku Pengarah Pelajaran, Ustaz Haji Abdul Saman bin Kahar menekankan kejayaan di bidang pendidikan dan pelajaran merupakan kejayaan bersama oleh masyarakat dan bukan dicapai secara perseorangan atau oleh Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.

Katanya ini adalah kerana pendidikan adalah penyampaian dari suatu kebudayaan di mana di dalamnya terdapat perasaan orang ramai dan kerana itu, adalah sia-sia bagi sesiapa mengakui kejayaan yang dicapai itu sebagai kerjanya berseorangan.

"Pendidikan adalah penyampaian dari sesuatu kebudayaan, dengan yang demikian adalah sia-sia bagi sesiapa untuk mengakui kemajuan yang kita capai itu sebagai kerjanya berseorangan," tegas Ustaz Haji Abdul Saman.

Sehubungan dengan perkara tersebut, Ustaz Haji Abdul Saman telah membangkitkan isu yang ditimbulkan oleh sebuah akhbar mingguan swasta di negara ini di mana ramai ibu bapa tidak berpuas hati kepada salah sebuah sekolah swasta yang tidak mengindahkan penyaluran kebudayaan dari segi rasa orang ramai.

Pemangku Pengarah Pelajaran itu menegaskan bahawa Jabatan Pelajaran tidak membenarkan mana-mana jua sekolah swasta menaikkan bayaran tanpa rujukan

Oleh Haniza Abdullah



AWANG Haji Abd. Saman bin Kahar, Pemangku Pengarah Pelajaran.

terlebih dahulu kepada pihak berkenaan.

"Tetapi terdapat setengah golongan pendidik yang tidak faham sesungguhnya pendidikan itu adalah penyampaian atau penyaluran kebudayaan di mana perasaan manusia, tingkah lakunya dan hati kecilnya perlu diambil peduli atau jangan disia-siakan," tegasnya.

Dalam majlis Penyampaian Hadiah kepada pelajar terbaik bagi Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di sini Khamis lepas, Ustaz Haji Abdul Saman menjelaskan bahawa Jabatan Pelajaran sentiasa memandang berat pada setiap perkembangan

pendidikan yang dilaporkan oleh akhbar tersebut. Keadaan sedemikian itu, menurutnya memaksa mereka yang tidak berpuas hati mengadakan pertemuan-pertemuan dan bantahan-bantahan.

"Bantahan sebenarnya adalah suatu perkara yang sukar diterima oleh pihak yang berkuasa sekiranya ianya berbangkit dari kalangan yang tidak mengindahkan peraturan-peraturan dan sopan santun dari segi pendidikan," terangnya.

Beliau seterusnya berharap, dengan adanya pandangan itu maka pihak yang dimaksudkan segera memahami bahawa Jabatan Pelajaran tidak bersedia melukai perasaan orang ramai hanya semata-mata kerana tindakan yang tidak berperaturan.

Majlis pagi itu bermula dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan bacaan Al-Quran oleh Dayang Maidah Haji Abd. Rahman. Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Dy. Donnaliza Abdullah, Pemangku Pengerusi Majlis.

Seramai 94 orang pelajar terbaik telah menerima hadiah yang telah disampaikan oleh Ustaz Haji Abdul Saman bin Kahar. Majlis itu juga telah diserikan dengan beberapa persembahan nasyid oleh penuntut-penuntut Badan Dakwah serta persembahan mendeklamasikan sajak.

## Terima Hadiah Kelakuan Terbaik

JALAN MUARA. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkihah telah menerima Hadiah Kelakuan Terbaik dan Penuntut Teladan bagi Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan di sini pagi Sabtu lepas.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkihah, puteri sulung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, menerima hadiah tersebut di Majlis Penutup Sesi Akademik 1985 yang berlangsung di auditorium maktab tersebut.

Majlis pagi itu juga telah mengadakan penyampaian hadiah-hadiah akademik iaitu bagi penuntut terbaik setiap kelas, mata pelajaran terbaik dan Bintang Pelajar. Juga diadakan ialah penyampaian hadiah ECA 1985 bagi perlakuan yang diadakan antara kelas-kelas dan rumah-rumah, Komiti Asrama Terbaik, Prefik Terbaik, Pertandingan Mengambil Gambar, Peraduan Mencipta Logo

Kemeja T anjuran Eureka, Kelakuan Terbaik dan Terbaik ECA.

Upacara Penutup Sesi Akademik 1985 Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan pagi itu telah bermula dengan ucapan dari Pengetua

Maktab, Awang Abdul Razak bin Haji Metassan.

Ianya juga turut diserikan dengan persembahan nasyid penuntut-penuntut maktab serta persembahan pan caragam Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkihah ketika menerima Hadiah Kelakuan Terbaik dari Pengetua Maktab, Awang Abdul Razak bin Haji Metassan. — Gambar oleh Ak. Bahar PHO.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, selaku Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam telah menerima sekeping cek bernilai 15 ribu ringgit bagi kegunaan Pandu Puteri Daerah Brunei-Muara. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

## PAMERAN PERMATA DIRASMIKAN

BANDAR SERI BEGAWAN.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, selaku Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam telah berkenan merasmikan Pameran Permata yang berlangsung di

salah sebuah hotel terkemuka di ibu negara, Jumaat lepas.

Pameran tersebut dianjurkan oleh sebuah Syarikat Permata yang terbesar di Jepun.

Di majlis tersebut juga Yang Teramat Mulia telah menerima sekeping cek yang

bernilai 15 ribu ringgit yang telah disampaikan oleh Carlos Masuzo Kaga, bagi kegunaan Pandu Puteri Daerah Brunei Muara. Juga hadir sama di majlis tersebut ialah isteri-isteri diplomat asing dan isteri-isteri pegawai-pegawai kanan kerajaan.

## Keberangkatan Kebawah D.Y.M.M ke Mukim Kuala Belait

Dari muka 1

berangkat singgah di rumah Ketua Kampong Pekan Beldit, Abang Haji Abu Hanifah bin Orang Kaya Paduka Setia Diraja Haji Bujang. Baginda kemudiannya berkesempatan meninjau Stesen Minyak SEPAKAT.

Seperti lawatan Baginda ke mukim-mukim di Daerah Brunei-Muara, selain dari meninjau kehidupan rakyat dan penduduk di mukim-mukim berkenaan, Baginda

juga tidak lupa melawat dan memerhatikan pelbagai projek-projek yang diungayahkan oleh Kerajaan Baginda di kawasan-kawasan berkenaan.

Di lawatan ini, Baginda telah melawat kawasan tapak tanah yang dikurniakan kepada rakyat jati dan kawasan perumahan buruh di Mumong.

Di sana Baginda telah disembahkan taklimat mengenai projek berkenaan oleh Jurutera Kerja Kanan Jabatan Kerja Raya Daerah Belait, Awang Micheal Ng.

Setelah itu Baginda dijunjung singgah di rumah Orang Kaya Seri Ratna Awang Haji Mohd. Noor bin Othman di Kampong Mumong.

Setelah itu Baginda meneruskan lawatan ke Kompleks Sukan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan di Kampong Mumong yang sedang giat dilaksanakan. Di sana Baginda juga disembahkan taklimat oleh pegawai-pegawai kanan jabatan berkenaan dan seterusnya meninjau pelbagai kemudahan yang disediakan di kompleks itu seperti dewan squash, kolam renang dan padang bola sepak dan olahraga.

Bagi mengakhiri lawatan Baginda pada hari itu, Baginda berkenan meninjau satu lagi projek Kerajaan iaitu pembinaan tangki air di Kampong Mumong. Di sana Baginda disembahkan

taklimat mengenai projek berkenaan oleh Awang Hamidon Haji Tahir, Jurutera Jabatan Kerja Raya.

Setelah itu Baginda kemudiannya berangkat ke kediaman Pegawai Daerah Belait bagi menikmati santapan tengah hari.

## Langkah meningkatkan kesempurnaan taraf hidup rakyat

Dari muka 1

penduduk negara ini," titah Baginda.

Baginda selanjutnya menegaskan bahawa Kerajaan Baginda akan terus meneruskan membuat rancangan yang teliti dan menjalankan langkah-langkah yang berkesan untuk mencapai hasrat meningkatkan lagi kesempurnaan hidup seluruh rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu sebelum itu, Baginda menjelaskan tujuan keberangkatan Baginda ke mukim-mukim adalah untuk melihat dan meninjau secara dekat keadaan kehidupan rakyat Baginda di samping mendengar kesulitan dan kemusykilan yang mereka hadapi untuk seterusnya diperbaiki bagi kebaikan bersama.